

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
AZUMU [TAMBUN]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN : 109**

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun]** minta **PERDANA MENTERI** mengulas perkembangan terkini projek kereta nasional ketiga dan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk projek ini dilaksanakan di Tanjung Malim demi pemeraksanaan kawasan ini sebagai hab automotif nasional.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat projek kereta nasional baharu adalah inisiatif dan akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Projek kereta nasional baru bukan hanya mewujudkan sebuah kereta tetapi mengambil kesempatan daripada bakat dan sumber yang ada untuk mewujudkan pemangkin bagi pembangunan ekosistem di mana usahawan, perniagaan dan industri dapat berkembang.

Ianya secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada belia-belia tempatan dalam bidang kejuruteraan dimana iannya adalah salah satu kunci penting kepada Malaysia untuk menjadi negara pengeluar.

Kecemerlangan dalam sektor automotif akan menjadi batu loncatan kepada sektor pembuatan dan kejuruteraan peringkat tinggi seperti industri aeroangkasa yang pada masa ini telah menjana pendapatan kepada negara lebih daripada RM14 billion dan telah mewujudkan 24,500 pekerja mahir pada tahun 2018.

Memandangkan inisiatif Projek Kereta Nasional Baharu adalah daripada pihak swasta, lokasi bagi projek ini juga akan ditentukan oleh pelabur dan rakan strategik dari pihak industri.

Sekian, terima kasih.